

BERITA HARIAN, SELASA, 27 JUN, 1978

Mahathir: PAS guna ayat2 Quran dalam manifesto

PARIT, Isnin — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, PAS telah memeralatkan ayat-ayat Quran untuk manifesto pilihanraya supaya orang merasa takut dan menyimpannya.

Pemimpin-pemimpin PAS berharap dengan kandungan ayat-ayat Quran itu, orang akan membaca, menyimpan dan tertarik dengan kandungan manifesto mereka.

"Perbuatan ini adalah semata-mata untuk kepentingan politik pemimpin-pemimpin PAS sahaja," jelas Dato Seri Dr. Mahathir dalam perjumpaannya dengan ahli-ahli, pekerja dan penyokong Barisan Nasional di Bilik Gerakan BN di Bota, 10 batu dari sini, malam tadi.

Dato Seri Dr. Mahathir yang juga Pengarah Pilihanraya BN Negeri Perak, memberitahu, ayat-ayat Quran yang digunakan dalam manifesto 40 muka kepunyaan PAS itu bukanlah ada kaitan dengan perjuangan PAS, tetapi adalah untuk perjuangan semua umat Islam.

Pemimpin PAS, sebagai orang Islam, katanya, sepatutnya memegang kepada ajaran-ajaran Islam dan patut menyeru kepada persaudaraan dalam Islam untuk mempersatupadukan rakyat.

"Tetapi mereka seba-

liknya menyingkir setengah dari kita konon kerana Islam kita tidak Islam sepertinya," ujarnya.

Dato Seri Dr. Mahathir, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Perak, kesal kerana perbuatan begini akan memecah belahkan dan memisahkan umat Islam dan mengurangkan persaudaraan yang dituntut dalam Islam.

"Sebab itu, walaupun PAS dinamakan parti Islam, amalannya bertentangan dengan ajaran Islam. Mungkin ahli-ahli PAS tidak faham tentang ini dan kalau tidak faham tidaklah salah.

"Tetapi pemimpin-pemimpin PAS tahu perkara yang dibuat mereka salah tetapi mereka sanggup buat juga," katanya.

Bellau mengingatkan ahli-ahli BN tentang banyak lagi tips helah yang mungkin akan dilakukan oleh pemimpin-pemimpin PAS, termasuk isu buku "Malay Dilemma" karangannya.

Katanya, Datuk Asri telah mencabarnya mengadakan perbincangan umum mengenai isu "Malay Dilemma" itu di sebuah padang di Alor Setar dengan meminta supaya penghormatan ke atas buku itu dihalalkan selama tiga jam untuk memberi peluang kepada mereka berbahas.

Dato Seri Dr. Mahathir berpendapat, Datuk Asri berani mencabar demikian kerana Datuk Asri tahu buku itu tidak boleh ditunjukkan kepada orang ramai dan tahu rapat umum diharapkan dalam kempen pilihanraya ini.

Katanya, pandangan Datuk Asri terhadap undang-undang begitu ringan sekali dan "kalau orang yang boleh membuat benda haram jadi halal selama tiga jam, saya khuatir sedikitlah".

Katanya kerjasama antara PAS dan DAP dalam pilihanraya umum akan datang amat nyata dan BN mempunyai senarai lengkap tentang tempat-tempat kerjasama ini berlaku.

Bellau mencabar DAP dan PAS supaya menyatakan maksud janji-janji mereka kepada rakyat sedangkan mereka tahu mereka tidak mungkin dapat menubuhkan Kerajaan Pusat, kerana mereka tidak cukup kerusi untuk berbuat demikian.